PARLIMEN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PILIHAN RAYA PARLIMEN BELIA MALAYSIA 2026: MEMPERKASA PENYERTAAN BELIA DALAM DEMOKRASI BERPARLIMEN

KUALA LUMPUR – Saya mengalu-alukan penganjuran Pilihan Raya Parlimen Belia Malaysia (PBMy) 2026 yang dijadualkan berlangsung pada 1 hingga 2 November 2026, sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk memperkukuh kefahaman dan penghayatan generasi muda terhadap amalan demokrasi berparlimen.

Bagi pilihan raya kali ini, seramai 1,689 calon daripada 12 parti telah diluluskan untuk bertanding bagi merebut 222 kerusi di seluruh negara. Penyertaan ini memperlihatkan minat dan kesediaan golongan belia untuk melibatkan diri secara aktif dalam proses demokrasi serta menyumbang idea dan pandangan terhadap isu-isu yang berkaitan dengan masa depan negara.

PBMy bukan hanya medan pertandingan untuk memilih perwakilan belia, sebaliknya merupakan sebuah platform pendidikan demokrasi yang memberikan pendedahan secara langsung kepada proses pilihan raya, sistem perwakilan, perbahasan dasar serta tanggungjawab kepimpinan.

Melalui pengalaman ini, saya berharap generasi muda dapat memahami bahawa demokrasi bukan hanya mengenai kemenangan dalam pilihan raya, tetapi turut menuntut kematangan, integriti, sikap saling menghormati dan kesediaan untuk menerima perbezaan pandangan.

Pilihan Raya PBMy 2026 menggunakan Sistem Perwakilan Berkadar (Proportional Representation) dan akan dilaksanakan secara dalam talian melalui aplikasi ePBMy. Pendekatan ini memberikan peluang kepada golongan belia untuk memahami kaedah perwakilan yang berbeza, di samping memanfaatkan teknologi digital bagi memudahkan penyertaan dalam proses pengundian.

Sehubungan itu, saya menyeru semua belia warganegara Malaysia yang berumur antara 18 hingga 30 tahun yang telah mendaftar sebagai pemilih melalui aplikasi ePBMy sebelum 28 Oktober 2026 yang lalu, untuk mengambil bahagian dalam proses pengundian pada 1 hingga 2 November 2026.

Pada masa yang sama, saya ingin menegaskan bahawa PBMy hendaklah terus dipelihara sebagai platform pendidikan demokrasi yang bukan partisan, bebas daripada pengaruh politik kepartian sebenar, serta terbuka kepada penyertaan belia daripada pelbagai latar belakang.

Sebagai Penaung PBMy, saya berharap inisiatif ini dapat menjadi medan untuk membentuk generasi pemimpin masa hadapan yang berilmu, berprinsip dan memahami tanggungjawab terhadap masyarakat serta negara.

Demokrasi yang matang bermula dengan rakyat yang memahami hak dan tanggungjawab mereka. Justeru, pendidikan demokrasi perlu dipupuk sejak usia muda agar generasi pelapis bukan sahaja bersedia untuk memimpin, tetapi turut menghargai institusi dan proses demokrasi yang menjadi asas pentadbiran negara.

-TAMAT-

YB TAN SRI DATO' DR. JOHARI BIN ABDUL
Yang di-Pertua Dewan Rakyat
Merangkap Penaung Parlimen Belia Malaysia (PBMy)

29 OKTOBER 2026